

**NO. SOALAN: 37**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI KAMARUDDIN  
[ AMPANG ]**

**TARIKH : 4 NOVEMBER 2015**

**RUJUKAN : 8390**

**SOALAN:**

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [ Ampang ] minta MENTERI  
DALAM NEGERI menyatakan jumlah statistik kadar pembuangan  
anak yang semakin berleluasa pada masa kini.**

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Kes pembuangan bayi mendapat perhatian di media massa dan sering dibincangkan dalam pelbagai forum di Negara ini. Dalam siasatan yang dijalankan oleh pihak polis, kes pembuangan bayi sering dikaitkan dengan perlakuan sumbang seseorang dan sebagai jalan pintas untuk menutup malu dan perlakuan sumbangnya dari diketahui masyarakat setempat. Mereka yang terlibat mengambil langkah untuk membuang bayi berkenaan. Siasatan yang dijalankan oleh pihak polis adalah mengikut seksyen 302, seksyen 309 (A), seksyen 312, seksyen 313, seksyen 314, seksyen 315, seksyen 316 dan seksyen 318 Kanun Keseksaan. Kesalahan sedemikian disiasat di bawah seksyen berkenaan kerana ianya melibatkan kesalahan terhadap nyawa seseorang.**

**Sebelum kes pembuangan bayi dibuka, pegawai penyiasat akan membuat penelitian terlebih dahulu untuk mengenalpasti punca kematian bayi tersebut untuk menentukan kes diklasifikasikan di bawah mana-mana seksyen yang berkenaan. Sekiranya bayi yang dibuang masih hidup dan disebabkan perbuatan membuang bayi mengakibatkan bayi itu meninggal dunia, maka kes akan disiasat di bawah seksyen 302 KK atau seksyen 304 KK. Walau bagaimanapun, sekiranya bayi itu didapati meninggal dunia semasa dilahirkan dan kemudian dibuang, maka kes akan**

disiasat di bawah seksyen yang lain. Klasifikasi kes banyak bergantung kepada keputusan *post-mortem* untuk menentukan sama ada bayi dibuang itu meninggal selepas dibuang atau meninggal sebelum dibuang.

Statistik kes pembuangan bayi bagi tahun 2013 sehingga 2015 (September) seperti berikut:-

KONTINJEN	2013	2014	2015 (JAN-SEPT)
PERLIS	5	1	1
KEDAH	3	4	11
PULAU PINANG	6	5	3
PERAK	7	6	6
SELANGOR	19	27	15
KUALA LUMPUR	4	12	10
NEGERI SEMBILAN	5	6	7
MELAKA	2	5	1
JOHOR	10	8	9
PAHANG	2	4	5
TERENGGANU	3	2	3
KELANTAN	1	5	4
SABAH	14	15	7
SARAWAK	9	3	5
<b>JUMLAH</b>	<b>90</b>	<b>103</b>	<b>87</b>